

Tun M, isteri tonton Ola Bola The Musical 2019

BH-28/2/2019

pas/s> 8

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali hadir menyaksikan pementasan Ola Bola the Musical (OBM) 2019, di Istana Budaya di

sini, malam tadi.

Muzikal yang diarah dan diterbitkan Puan Sri Tiara Jacqueline itu dimainkan kembali, selepas mendapat sambutan hangat ketika dipentaskan buat kali pertama ta-

hun lalu.

Adaptasi filem Ola Bola

Ia adalah adaptasi daripada filem pecah panggung 2016, *Ola Bola*, yang diarahkan Chiu Keng Guan

yang mengisahkan cabaran dihadapi pasukan Harimau Malaya untuk melayakkan diri ke Sukan Olimpik 1980 di Moscow, Russia.

OBM 2019 dibintangi Brian Chan ('Tauke' Chan Kok Keong), Abima-

nyu Masilamani (Muthu), Luqman Hafidz (Ali), Hafeez Mikail (Eric Yong) dan Tony Eusoff sebagai jurulatih Harry Mountain. Ia berlangsung sehingga 3 Mac ini.

BERNAMA